



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**
Kementerian Kesihatan Malaysia
Ministry of Health Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8000 8000
Faks : 03-8889 5542
Emel : anhisham@moh.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM.600-29/4/10 JLD. 37 (84)
Tarikh : 28 Mac 2022

YBhg. Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim

Ketua Pengarah
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 6 & 7, Blok D5, Kompleks D
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya

YBhg. Datuk,

**PROSEDUR PENGURUSAN PENJAGAAN KESIHATAN PENGEMBARA
YANG TINGGAL DI HOTEL ATAU TEMPAT PENGINAPAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk sedia maklum, Malaysia akan memasuki Fasa ‘Peralihan ke Endemik’ berkuatkuasa pada 1 April 2022. Bermula pada tarikh yang sama juga, Malaysia akan membuka semula sempadan di seluruh negara bagi merancakkan pembangunan dan pemulihan ekonomi negara. Dengan pembukaan sempadan ini, ramai pengembala akan masuk ke Malaysia yang boleh meningkatkan risiko jangkitan kepada penyakit COVID-19. Justeru itu, Malaysia perlu meneruskan kesiapsiagaan dalam mengawal penyakit COVID-19 ini.

3. Sebagai langkah persediaan menghadapi risiko penularan jangkitan daripada pengembala serta pengurusan pengembala tidak lengkap vaksinasi atau belum divaksin, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak berkepentingan termasuk persatuan perhotelan dan *homestay* bagi membenarkan pengembala menjalani kuarantin dan pengasingan di hotel atau tempat penginapan yang sama. Berikut daripada itu, satu garis

panduan Prosedur Pengurusan Penjagaan Kesihatan Pengembara Yang Tinggal Di Hotel atau Tempat Penginapan telah disediakan.

4. Walau bagaimanapun, pihak NADMA dimohon untuk meneruskan kesiapsiagaan dengan menyediakan stesen kuarantin awam serta Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) awam bagi menghadapi kemungkinan kemasukan pengembara di bawah misi-misi khas Kerajaan termasuk Misi Kemanusiaan atau pengurusan warga negara yang tidak sesuai menjalani kuarantin atau pengasingan di rumah sendiri. Selain itu, sebagai langkah kesiapsiagaan juga, pihak NADMA dimohon dapat memastikan setiap negeri telah mengenalpasti pusat kuarantin swasta dan PKRC swasta yang boleh diaktifkan serta merta, sekiranya perlu.

5. Sehubungan dengan itu, pihak NADMA juga dimohon untuk memaklumkan kepada semua agensi yang terlibat dalam pengurusan pengembara ini. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Bersama-sama ini disertakan garis panduan Prosedur Pengurusan Penjagaan Kesihatan Pengembara Yang Tinggal Di Hotel atau Tempat Penginapan untuk perhatian dan makluman pihak YBhg. Datuk.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(TAN SRI DATO' SERI DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)

PROSEDUR PENGURUSAN PENJAGAAN KESIHATAN PENGEMBARA YANG TINGGAL DI HOTEL ATAU TEMPAT PENGINAPAN

Pada 8 Mac 2022, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan mengenai Fasa Peralihan ke Endemik berkuatkuasa 1 April 2022. Kerajaan telah memutuskan supaya sempadan negara turut dibuka semula pada 1 April 2022. Semua pengembala perlu menjalani ujian RT-PCR dua (2) hari sebelum berlepas dengan keputusan negatif. Pengembala yang telah menerima lengkap vaksin tidak perlu menjalani kuarantin namun perlu menjalani ujian RTK-Ag profesional dalam tempoh 24 jam. Pengembala yang tidak lengkap / belum menerima vaksin wajib menjalani kuarantin selama 5 hari dan menjalani ujian RT-PCR hari ke-4 atau RTK-Ag profesional hari ke-5. Pengembala yang tidak mempunyai kemudahan tempat tinggal di Malaysia perlu membuat tempahan tempat penginapan.

1. Semasa di luar negara

- i. Semua pengembala hendaklah memuat turun, mengaktifkan dan mendaftar aplikasi *MySejahtera* (https://mysejahtera.malaysia.gov.my/intro_en/), sebaik-baiknya seminggu sebelum berlepas ke Malaysia (Lampiran 1). Isikan “borang perjalanan” serta muatnaik sijil vaksinasi COVID-19 dan slip insuran kesihatan yang boleh diakses melalui ikon *Traveller* dalam aplikasi MySejahtera.
- ii. Pengembala wajib menjalani saringan ujian pengesanan jangkitan COVID-19 menggunakan ujian RT-PCR COVID-19 selewat-lewatnya dua (2) hari sebelum berlepas dan hanya pengembala yang mempunyai keputusan ujian negatif COVID-19 boleh meneruskan penerbangan ke Malaysia. Keputusan ujian RT-PCR ini hendaklah dimuat naik ke dalam aplikasi MySejahtera.
- iii. Pengembala yang tiada tempat kediaman di Malaysia hendaklah membuat tempahan bilik di hotel atau tempat penginapan.
- iv. Pengembala bukan warganegara wajib mempunyai perlindungan insuran (COVID-19 dan pengembaraan).
- v. Pengembala akan menerima “*Traveller’s Card* ” (warna biru) dalam paparan aplikasi MySejahtera apabila semua maklumat dalam borang perjalanan telah diisi (Lampiran 2).

- vi. Walau bagaimanapun, pengembara yang belum menerima vaksin COVID-19 atau tidak lengkap vaksinasi akan menerima "Traveller's Card" (warna merah) dalam paparan aplikasi MySejahtera.
- vii. Kanak-kanak berumur bawah 6 tahun (mengikut tahun kelahiran) tidak perlu menjalani ujian pengesahan COVID-19 pra-pelepasan dan ujian pengesahan COVID-19 semasa ketibaan.
- viii. Pengembara dari Republik Singapura hanya perlu menjalani ujian pengesahan COVID-19 pra-pelepasan dan dikecualikan dari menjalani ujian pengesahan COVID-19 semasa ketibaan serta kuarantin wajib.

"PERHATIAN

Sila pastikan semua maklumat yang diberikan adalah betul. Pengisyiharan palsu yang dibuat oleh anda adalah satu kesalahan di bawah seksyen 22.(d) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan jika sabit kesalahan boleh dihukum di bawah seksyen 24 Akta 342, sama ada didenda atau dipenjara atau kedua-duanya."

2. Ketibaan Di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA)

- i. Pengembara akan melalui saringan demam dengan imbasan *thermal scanner* atau rujukan kendiri kepada petugas kesihatan sekiranya bergejala untuk pemeriksaan lanjut di kaunter kesihatan di PMA.
- ii. Pengembara yang tidak bergejala akan meneruskan perjalanan ke kaunter imigresen untuk semakan lanjut.
- iii. Pengembara yang tidak lengkap atau belum menerima vaksin COVID-19 akan menerima dan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (*Home Surveillance Order - HSO*) untuk tempoh selama (lima) 5 hari bermula daripada tarikh ketibaan pengembara.

3. Pengangkutan dari PMA ke stesen tempat penginapan

Pengembara membuat tempahan pengangkutan teksi dari PMA ke hotel / tempat penginapan.

4. Pendaftaran Kemasukan di hotel atau tempat penginapan

- i. Setibanya di hotel atau tempat penginapan, pengembara hendaklah mengimbas kod QR MySejahtera.
- ii. Pihak hotel atau tempat penginapan akan menyemak status MySejahtera pengembara dan membuat pendaftaran kemasukan pengembara di bilik hotel atau tempat penginapan.
- iii. Pihak hotel atau tempat penginapan mengenalpasti pengembara yang telah diberikan HSO, iaitu pengembara dengan status vaksinasi tidak lengkap atau belum divaksinasi bagi penyelarasab.

5. Tempoh Kuarantin dan Pengasingan

- i. Pengembara yang telah menerima dos penggalak atau lengkap vaksin tidak perlu menjalani kuarantin;
- ii. Pengembara yang tidak menerima vaksin COVID-19 lengkap atau belum menerima vaksin COVID-19 dikehendaki menjalani kuarantin wajib (*Home Surveillance Order – HSO*) selama lima (5) hari;
- iii. Pengembara dikehendaki menjalani ujian RT-PCR hari ke-4 atau RTK Ag profesional pada hari ke-5 sebelum boleh dilepaskan dari kuarantin pada hari ke-5 sekiranya keputusan ujian yang dijalankan adalah negatif COVID-19.
- iv. Walau bagaimanapun, sekiranya keputusan ujian yang dijalankan ini adalah positif, maka pengembara hendaklah meneruskan pengasingan selama lima (5) lagi.
- v. Pengembara yang menunjukkan keputusan positif bagi ujian dalam tempoh 24 jam akan diberi pengasingan (HSO) selama tujuh (7) hari bagi yang telah lengkap vaksin COVID-19 dan 10 hari bagi yang tidak lengkap vaksin COVID-19 atau belum menerima vaksin COVID-19

6. Ujian Saringan Pengesanan Penyakit COVID-19

- i. Pengembara menjalani ujian RTK-Ag profesional dalam tempoh 24 jam selepas ketibaan di Malaysia di fasiliti kesihatan swasta yang terdapat berhampiran tempat penginapan.

- a. Jika keputusan ujian adalah positif COVID-19 dan pengembara tiada gejala atau gejala ringan (kategori 1 dan 2a), pengembara akan meneruskan pengasingan di bilik tempat penginapan yang sama selama tujuh (7) hari bagi yang telah lengkap vaksin COVID-19 dan 10 hari bagi yang tidak lengkap vaksin COVID-19 atau belum menerima vaksin COVID-19.
 - b. Pengembara dengan keputusan positif COVID-19 dan mempunyai gejala teruk (kategori 2b ke atas), perlu mendapatkan rawatan di hospital swasta.
 - c. Pengembara yang telah lengkap vaksin COVID-19 dengan keputusan ujian negatif COVID-19 akan menerima keputusan ujian dalam pesanan ringkas (*short message system – SMS*) dan bebas bergerak dalam negara;
 - d. Pengembara yang telah lengkap vaksin COVID-19 tetapi tidak membuat ujian RTK-Ag profesional dalam tempoh 24 jam selepas ketibaan di Malaysia akan diberikan HSO selama lima (5) hari dan status dalam aplikasi MySejahtera akan bertukar kepada “Berisiko Tinggi” dan perlu mematuhi arahan HSO. Status ini kekal sehingga pengembara menjalani ujian pengesanan jangkitan COVID-19. Status seterusnya akan bertukar mengikut keputusan ujian tersebut.
- ii. Bagi pengembara yang tidak lengkap vaksin COVID-19 atau belum menerima vaksin COVID-19, pengembara ini meneruskan kuarantin dan menjalani ujian RT-PCR pada hari ke-4 atau RTK-Ag profesional pada hari ke-5.
 - a. Jika keputusan ujian adalah positif COVID-19 dan pengembara tiada gejala atau gejala ringan (kategori 1 dan 2a), pengembara meneruskan pengasingan di bilik hotel / tempat penginapan selama lima (5) hari lagi.
 - b. Pengembara dengan keputusan positif COVID-19 dan mempunyai gejala teruk (kategori 2b ke atas), perlu mendapatkan rawatan di hospital swasta.
 - iii. Kes positif boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai COVID-19 di platform chatbot di laman sesawang <https://covidprotocol.moh.gov.my/>.
 - iv. Pengembara yang diarahkan menjalani kuarantin atau pengasingan hendaklah mengisi penilaian kendiri status kesihatan setiap hari dalam

aplikasi MySejahtera. Jika terdapat gejala yang merbahaya, platform robocall akan menghubungi kes.

7. Pelepasan Perintah Pengawasan & Pemerhatian atau Pengasingan

- i. Pengembara yang positif COVID-19 semasa ketibaan diberikan RO dari pengasingan secara digital dalam aplikasi MySejahtera pada hari ke-7 bagi yang lengkap vaksin atau pada ke-10 bagi yang tidak lengkap vaksin COVID-19 atau belum menerima vaksin COVID-19.
- ii. Pengembara yang tidak lengkap vaksin COVID-19 atau belum menerima vaksin COVID-19 menjalani kuarantin selama 5 hari dengan negatif ujian ujian RT-PCR pada hari ke-4 atau RTK-Ag profesional pada hari ke-5 diberikan pelepasan perintah pengawasan & pemerhatian (*release order - RO*) secara digital dalam aplikasi MySejahtera pada hari ke-5.
- iii. Manakala pengembara yang positif pada ujian RT-PCR pada hari ke-4 atau RTK Ag profesional pada hari ke-5, akan diberikan RO dari pengasingan secara digital dalam aplikasi MySejahtera pada hari ke-10.
- iv. Pengembara yang telah lengkap vaksin COVID-19 tetapi tidak membuat ujian RTK-Ag profesional dalam tempoh 24 jam selepas ketibaan di Malaysia dan telah diberikan HSO selama lima (5) hari akan diberi RO pada hari ke-5.

Ringkasan pengurusan pengembara yang masuk ke Malaysia ditunjukkan dalam Lampiran 3.

8. Urusan Makanan

- i. Pihak pengurusan tempat penginapan (premis) hendaklah menyediakan makan minum untuk pengembara:
 - a. secara berbungkus (*packed meal*);
 - b. menggunakan peralatan makanan pakai buang (*disposable utensils/ food packaging*);
 - c. dihantar ke setiap bilik mengikut kaedah yang ditetapkan; dan
 - d. diletakkan di hadapan pintu bilik pengembara.
- ii. Pemesanan apa-apa makanan melalui khidmat *room dining service* di premis, atau pesanan makanan *online* adalah dibenarkan. Tempahan

makanan tersebut hendaklah dihantar ke lobi premis dan dihantar oleh pekerja premis ke hadapan pintu bilik penginapan pengembara berkenaan.

- iii. Beg plastik sampah perlu disediakan bersama packed meal untuk membuang bekas dan sisa makanan.

9. Kawalan dan Pencegahan Infeksi

- i. Sekiranya pengembara positif COVID-19 memerlukan linen atau tuala baharu semasa dalam tempoh pengasingan, pihak hotel atau tempat penginapan hendaklah membekalkannya dan meletakkan di hadapan pintu bilik bersama beg plastik linen untuk dimasukkan linen yang telah digunakan. Pengembara perlu menukar sendiri cadar, sarung bantal dan selimut.
- ii. *Bed linen* (cadar, sarung bantal, selimut), *bath linen* (*bath towel, face towel, hand towel*) yang telah digunakan boleh dicuci seperti biasa.
- iii. Bilik penginapan pengembara yang positif COVID-19 perlu didisinfeksi sebaik sahaja pengembara telah tamat menjalani tempoh pengasingan dan *check-out* dari bilik.
- iv. Tatacara pembersihan dan disinfeksi adalah berdasarkan Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia; Annex 36 Tatacara Pembersihan Dan Disinfeksi.
- v. Alat perlindungan diri (PPE) yang perlu dipakai semasa menjalani pembersihan dan disinfeksi bilik tersebut adalah pelitup muka, pelindung muka (*face shield*), apron plastik dan sarung tangan pakai buang.
- vi. Proses pembersihan dilakukan terhadap permukaan yang kerap disentuh seperti tombol pintu, kepala paip air, permukaan meja, dan peralatan lain di bilik menggunakan serbuk pencuci biasa. Seterusnya disinfeksi dilakukan dengan mengelap semula semua permukaan yang telah dibersihkan tersebut dengan larutan disinfeksi 0.1% sodium hipoklorit atau bahan aktif lain yang disenaraikan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (*National Pharmaceutical Registry Agency - NPRA*), Kementerian Kesihatan Malaysia.
- vii. Cuci tangan sebelum dan selepas melakukan disinfeksi, serta selepas PPE ditanggalkan.

- viii. Tidak ada keperluan untuk semburan disinfeksi di bilik menggunakan mana-mana kaedah *electrostatic sprayer, fogger, mister atau vaporizer*.
- ix. PPE yang telah digunakan hendaklah dimasukkan ke dalam dua (2) lapis beg plastik, diikat dengan ketat dan dilupuskan sebagai sampah domestik.

10. Pengudaraan Bangunan

Kegunaan bilik bagi pengembara yang menjadi positif adalah berpandukan seperti di bawah.

- i. Jika mempunyai sistem pengudaraan berpusat, bilik-bilik pesakit COVID-19 perlu berada pada satu aras yang sama dan tidak berkongsi koridor dengan bilik penghuni lain atau ruang kegunaan umum yang lain.
- ii. Pastikan penyenggaraan sistem ACMV seperti pencucian dan penggantian penapis udara dibuat dengan lebih kerap.
- iii. Memastikan sistem *exhaust* udara dalam tandas bilik dipasang dan beroperasi sepenuhnya bagi meningkatkan kadar pertukaran udara dalam bilik serta membantu memastikan bilik berada dalam keadaan tekanan negatif berbanding koridor.
- iv. Setelah pengembara yang positif keluar dari bilik, bilik tersebut perlu dilakukan proses disinfeksi.
 - Bagi bilik dengan *Split Unit AC* atau *Fan Coil Unit (FCU)*, bilik boleh digunakan semula setelah 30 minit dari masa disinfeksi selesai dijalankan.
 - Bagi bilik dengan sistem pengudaraan berpusat, bilik boleh digunakan selepas 2 jam disinfeksi selesai dijalankan.

11. Perkhidmatan Perubatan

Sekiranya pengembara memerlukan perkhidmatan pemeriksaan dan rawatan, pihak pengurusan hotel atau tempat penginapan perlu membantu untuk mendapatkan perkhidmatan daripada pengamal perubatan swasta.

LAMPIRAN 1

Tata Cara Memuat Turun, Mengaktifkan dan Mendaftar Aplikasi MySejahtera (https://mysejahtera.malaysia.gov.my/intro_en/)




1 Muat turun MySejahtera daripada gedung aplikasi




2 Tekan butang 'Daftar Di Sini' untuk mendaftar akaun MySejahtera



3 Daftar menggunakan nombor telefon atau alamat e-mel yang sah



4 Masukkan nombor OTP dalam SMS atau klik pautan di e-mel




5 Lengkapkan butiran pendaftaran dan tetapkan kata laluan



6 Log masuk dengan nombor telefon atau e-mel yang berdaftar




7 Klik pada pautan 'Perlu Dilakukan'



8 Jawabkan semua soalan penilaian



9 Pendaftaran selesai dan status penilaian kesihatan dipamerkan



LAMPIRAN 2

Tata Cara bagi Pengembara Mengisi Borang Pra-Pelepasan dan Dokumen Berkaitan

1 Tekan 'Pelancong' di halaman utama MySejahtera



2 Tekan Melancong untuk 'Nama Anda' bagi mengisi borang pra-perlepasan.

Tekan nama tanggungan anda jika ingin membuat deklerasi untuk tanggungan anda




3 Isi semua butiran perjalanan dengan betul dan tekan hantar

4 Pelancong yang telah lengkap divaksin akan mendapat Kad Pengembara bewarna biru




5 Ujian Pra-perlepasan **BELUM DIHANTAR**

Sila tekan pautan di Kad Pengembara bagi memuat naik ujian pra-perlepasan anda dua hari sebelum berlepas



6 Tekan Kemaskini untuk 'Nama Anda' bagi memuat naik keputusan ujian anda

7 Isi semua butiran dengan betul dan muat naik bukti ujian anda. Anda juga perlu membawa salinan keputusan ujian anda bersama



8 Pautan di Kad Pengembara anda akan bertukar kepada warna hijau setelah berjaya memuat naik keputusan pra-perlepasan anda

9 Setibanya di Malaysia, anda harus membuat ujian profesional RTK-antigen 24 jam selepas ketibaan. Jika anda gagal membuat demikian, anda akan dikenakan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (HSO) selama lima (5) hari.



LENGKAP VAKSINASI	7 HARI
TIDAK PERNAH/ TIDAK LENGKAP VAKSINASI	10 HARI

10

Sekiranya ujian ketibaan anda adalah positif, anda akan dikenakan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (HSO) selama tujuh (7) hari bagi yang lengkap vaksinasi dan sepuluh (10) hari bagi yang tidak pernah atau tidak lengkap vaksinasi



11

Bagi pengembara yang tidak pernah atau tidak lengkap vaksinasi, anda akan mendapat Kad Pengembara berwarna merah.

Anda perlu memuat naik ujian RT-PCR dua hari sebelum berlepas





Setibanya di Malaysia, anda akan dikenakan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (HSO) selama lima (5) hari.

Anda juga perlu menjalani ujian RT-PCR pada hari ke 4 ATAU RTK-Ag profesional pada hari ke 5.

Jika ujian anda adalah positif, anda akan dikenakan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (HSO) selama lima (5) hari dari tarikh sampel diambil.


Carta Alir Pengurusan Pengembara Yang Masuk ke Malaysia






PROSEDUR KEMASUKAN PENGENIBARA KE MALAYSIA

LAMPIRAN 4



LAMPIRAN 5

Carta Alir Pengurusan Kuarantran & Pengasingan Pengembara



- NOTA:**
- font biru adalah tanggungjawab pihak tempat penginapan
 - * Pihak KKM akan pantau pengembara melalui HAT dalam aplikasi MySejahtera

*Pihak tempat penginapan menyediakan makanan kepada kes positif

